

**SOALAN NO: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015**

**SOALAN :**

**YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Pusat Kesihatan Kok Lanas akan disiapkan dan mengapakah setelah sekian lama projek ini belum dimulakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelaksanaan projek Klinik Kesihatan Jenis 3 dengan Kuarters Kok Lanas tertangguh disebabkan oleh faktor tapak cadangan projek yang tidak sesuai dan memerlukan kos rawatan tanah yang tinggi. Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) tidak bersetuju dengan kos rawatan tersebut dan mengesyorkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenalpasti tapak baharu bagi projek ini.

Sehubungan itu, KKM sedang diperingkat untuk mendapatkan tapak baharu bagi projek ini. Pada 9 April 2015, KKM telah mengenalpasti satu tapak seluas 4.844 ekar melibatkan gabungan empat lot tanah (Lot61, Lot62, PT5860 dan PT5861) bagi tujuan ini. Oleh yang demikian, pelaksanaan projek ini akan diteruskan selepas urusan perolehan tanah selesai kelak.